

# Ketokohan Mazlan sukar ditandingi

➔ Pelopor bidang aeroangkasa negara diberi mandat tingkat sains, teknologi menjelang 2050

Oleh Nor Afzan Mohamad Yusof  
afzan@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**B**ekerja keras melihat sesuatu sasaran itu menjadi nyata, berwawasan, peka dan tidak pernah puas dengan kejayaan dicapai antara elemen teras kejayaan Datuk Dr Mazlan Othman.

Selaku pelopor dalam hampir kesemua pencapaian aeroangkasa di negara ini, kecemerlangan dan kehebatan beliau sukar ditandingi, bukan saja dalam kalangan wanita tetapi juga lelaki.

Pelantikan beliau sebagai Pengarah Projek Sains Mega, 3.0, di Akademi Sains Malaysia, baru-baru ini, membuktikan pada usia 65 tahun, idea bernas bersulam pengalaman luas, meletakkan beliau kumpulan pemikir dalam strategi negara menuju 2050.

Beliau diberi mandat mengetuai projek Sains Mega 3.0 yang bertujuan menyediakan Malaysia untuk masa depan bidang sains, teknologi serta inovasi.

"Dalam usaha menjadi yang terbaik dalam bidang sains dan teknologi pada 2050, kita perlu menjangka dan melakukan ramalan mengenai masa depan, apa bentuk teknologi serta inovasi yang kita jangkakan waktu itu,

"Saya dan pasukan menyediakan prospek Malaysia, bagaimana kita melihatnya dalam masa 35 tahun akan datang serta tetapkan matlamat. Semua itu penting bagi meningkatkan sains dan teknologi Malaysia pada masa depan," ka-

tanya ketika ditemui di Akademi Sains Malaysia di sini, semalam.

## Minat tak pernah luntur

Pada usia sudah lebih separuh abad, semangat dan minatnya dalam bidang sains tidak pernah luntur, malah pelbagai pencapaian dicetus serta diraihnya.

Diangkat sebagai Ketua Pengarah Pengasas Negara Agensi Angkasa (ANGKASA), awal Julai 2002 bagi program Angkasawan Negara antara paling dekat di hati beliau.

Idea berkenaan tercetus daripada persoalan media mengenai kemungkinan Malaysia bakal melahirkan angkasawan negara.

"Sebenarnya Malaysia pernah ditawarkan untuk menghantar angkasawan pada 1985 tetapi waktu itu kita terpaksa menolak kerana negara belum bersedia.

Hanya selepas negara menunjukkan pencapaian membanggakan dalam aeroangkasa, barulah kita bersetuju," katanya.

Program berkenaan menyaksikan Datuk Dr Sheikh Muszaphar Shukor ke angkasa 2007 sebagai angkasawan pertama negara.

Biarpun pelbagai pencapaian dilakukan, Mazlan tidak pernah puas kerana dunia aeroangkasa hanya lima peratus saja diketahui manusia, selebihnya kekal misteri.

"Ketika program angkasawan memang saya mahu sertai tetapi dengan jawatan disandang, mustahil saya boleh turut serta. Tetapi impian ke angkasa tidak pernah luntur. Hari ini saya boleh katakan,

jika ada yang tawarkan saya ke Marikh, saya akan kata ya untuk cabaran itu," katanya.

## Miliki impian

Pencapaian lain Mazlan sepanjang 35 tahun berkhidmat dalam dunia angkasa, termasuk menggunakan sistem falak dalam menetapkan tarikh Ramadan dan Syawal, memasukkan sains angkasa sebagai sebahagian kokurikulum negara dan penubuhan Planaterium Negara.

"Secara peribadi, saya suka ambil tahu dan bekerja keras untuk melihat sesuatu sasaran itu menjadi nyata. Misalnya, dalam usaha membawa orang ramai memahami sains angkasa, saya menyediakan landasan ke arah itu.

"Antaranya memasukkan aeroangkasa sebagai sebahagian daripada subjek di sekolah dan menubuhkan Planaterium Negara.

"Ini adalah asas memahami sains dan apabila ada asas kukuh, baharulah kita boleh melakukannya dengan baik," katanya.

Mazlan memiliki ijazah kedoktoran dalam Astrofizik dari Universiti Otago, New Zealand, memulakan kerjaya sebagai pensyarah di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 1981.

"Sebagai pensyarah Astrofizik, saya memberi tumpuan dalam penyediaan kursus akademik dan makmal kepada pelajar ijazah serta lepasan ijazah dalam Astrofizik dan Astronomi. Aktiviti direka untuk bina kesedaran awam mengenai astronomi," katanya.